



**NOTIS SEBUTHARGA
PEJABAT DAERAH DAN TANAH KULIM**

Kepada **Syarikat/ Persatuan/ Pertubuhan/NGO** yang berdaftar dan masih aktif dipelawa untuk mengemukakan permohonan berkaitan:-

BIL	PERKARA	HARGA DOKUMEN SEBUTHARGA	TARIKH DIBEKALKAN DOKUMEN	TARIKH & MASA TUTUP SEBUTHARGA
1.	SEBUTHARGA: PDTK 2026/DK/001 TAWARAN SEWAAN DATARAN KULIM BAGI MAKSUD MENGADAKAN KARNIVAL JUALAN HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2026 BERMULA 19 FEBRUARI 2026 HINGGA 21 MAC 2026	RM 10.00	08 Oktober 2025 (RABU) jam 10.00 pagi	22 Oktober 2025 (RABU) jam 12.00 t/hari

2. Dokumen tawaran berharga RM 10.00 /dokumen boleh diperolehi dari **Kaunter Pejabat Daerah dan Tanah Kulim** mulai **08 Oktober 2025 (Rabu)** dengan mengemukakan salinan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-

- 2.1 Pemohon/ Syarikat hendaklah warganegara Malaysia, dan berumur 18 tahun ke atas.
- 2.2 Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon/wakil dan sekiranya pemohon adalah daripada persatuan/pertubuhan salinan berkaitan terdiri daripada Pengerusi/ Setiausaha/ Bendahari/ AJK Khas yang dinyatakan dalam Laporan Mesyuarat Agong.
- 2.3 Satu (1) salinan pendaftaran syarikat/pertubuhan/persatuan/NGO yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) atau ROS / Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau mana-mana badan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau;
- 2.4 Satu (1) salinan pendaftaran perniagaan SSM (jika berkaitan)

3. Kepada semua penganjur yang berkelayakan sila hantar **kertas kerja** permohonan penganjuran bersama-sama maklumat berikut:-

- 3.1 Profil organisai penganjur
- 3.2 Pengalaman penganjuran program

- 3.3 Satu (1) salinan kad pengenalan pemohon/wakil dan sekiranya pemohon adalah daripada persatuan/pertubuhan salinan berkaitan terdiri daripada Pengerusi/ Setiausaha/ Bendahari/ AJK Khas yang dinyatakan dalam Laporan Mesyuarat Agong.
- 3.4 Satu (1) salinan pendaftaran syarikat/pertubuhan/persatuan/NGO yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) atau ROS / Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau mana-mana badan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau;
- 3.5 Satu (1) salinan pendaftaran perniagaan SSM (jika berkaitan)
- 3.6 Mengemukakan salinan Laporan Mesyuarat Agong Tahunan yang terkini beserta senarai Ahli Jawatankuasa yang dilantik.
- 3.7 Salinan penyata bulanan akaun bank berbaki minima antara 3% sehingga 10% dari harga simpanan bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup sebutharga yang telah disahkan oleh Bank.
- 3.8 Salinan akaun syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juru Audit yang bertaualiah, bagi dua (2) tahun kewangan terakhir.
- 3.9 Gambar lokasi penganjuran terkini (gambar dari sumber google tidak diterima)
- 3.10 Cadangan pelan lokasi dan pelan susun atur (layout) beserta nombor tapak perniagaan yang akan dilaksanakan.
- 3.11 Deposit penyertaan sebut harga seperti keterangan di perkara No.5

4. **Dokumen / Borang tawaran Sebutharga** yang telah dilengkapkan oleh penyebutharga/penganjur hendaklah dicatatkan **SEBUT HARGA SEWAAN DATARAN KULIM** pada kiri sampul surat sebut harga dan kembalikan ke **Pejabat Daerah dan Tanah Kulim** sebelum atau tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari** pada **22 Oktober 2025 (Rabu)**

5. Penyebut harga dikehendaki menyertakan deposit penyertaan sebut harga sebanyak 1% daripada harga tawaran. Deposit sebut harga hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos, Kiriman Wang atau Bank Draf sahaja atas nama **PEGAWAI DAERAH KULIM**.

6. **Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup akan ditolak.** Pejabat Daerah dan Tanah Kulim ini **tidak terikat** untuk menerima tawaran harga yang tertinggi atau mana-mana tawaran.

7. Penyebut harga yang berjaya dipilih hendaklah membuat bayaran mengikut kaedah pilihan seperti yang terkandung di dalam borang sebut harga (**Perkara No.2 – Kaedah Pembayaran**). Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh yang telah ditetapkan, tawaran sewaan Dataran Kulim akan terbatal dan deposit penyertaan sebut harga tidak akan dikembalikan.


8. Borang sebut harga yang tidak lengkap dan tidak disertakan dengan dokumen-dokumen seperti yang dinyatakan di atas tidak akan diterima dan dipertimbangkan.

9. Deposit sebut harga bagi pembida yang tidak berjaya dalam pemilihan akan dikembalikan dalam tempoh yang ditetapkan oleh pentadbiran ini.

11. Penyebut harga yang berjaya dalam pemilihan ini perlu mematuhi terma dan syarat penyewaan Dataran Kulim yang akan dimaklumkan dalam notis keputusan sebut harga.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”
“KEDAH SEJAHTERA - NIKMAT UNTUK SEMUA”
“THE GREATER KEDAH”

Saya yang menandatangani amanah,



(MOHAMAD RIZAL BIN MOHAMAD, SDK., AMK., BCK., BKM)
Pegawai Daerah Kulim
Kedah Darul Aman.

Tarikh : 07 Oktober 2025

